

Rujukan: UKM HTM. 20/224/2/3

Tarikh: 19 Mac 2021

PEKELILING KEWANGAN BIL. 1/ 2021

Pengarah/ Ketua
Pusat/ Bahagian/ Jabatan/ Unit
Hospital Canselor Tuanku Muhriz

YBhg. Prof. Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan

KETETAPAN DAN KADAR CAJ PERKHIDMATAN DAN RAWATAN, HOSPITAL CANSELOR TUANKU MUHRIZ

Dengan hormatnya, saya merujuk perkara di atas.

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan memaklumkan mengenai kadar caj perkhidmatan rawatan HCTM yang telah diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Bil. 1/2021 bertarikh 15 Februari 2021.

2.0 PERINCIAN TATACARA DAN PELAKSANAAN

Pekeliling ini merangkumi kadar caj rawatan seperti berikut:-

LAMPIRAN A

- a) Perkhidmatan dan Kadar Caj Prosedur BioFeedback di Pusat Perkhidmatan Endoskopi, HCTM;
- b) Perkhidmatan dan Kadar Caj Ujian Stroboskop di Klinik Otorinolaringologi, HCTM;
- c) Perkhidmatan dan Kadar Caj Ujian Bau di Klinik Otorinolaringologi, HCTM;



MS ISO 9001:2015 Cert. No. : QMS 01547



JABATAN KEWANGAN

Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Tingkat Bawah, Lobi Utama, Blok Klinikal, Jalan Yaacob Latif, Bandar Tun Razak, 56000 Cheras, Kuala Lumpur
Telefon: +603-91455230 / 7969 / 7977 E-mel: hasiljkew@ppukm.ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ppukm.ukm.my/jkew>

- d) Perkhidmatan dan Kadar Caj Ujian COVID-19 Rapid Molekular (POCT) Menggunakan Analyser ID Now™
- e) Pengeunaan Caj Laporan Perubatan Bagi Pelaksanaan Skim Perlindungan Kesihatan Nasional MySalam

LAMPIRAN B

- a) Caj Bayaran Ke Atas Pesakit Yang Menjalani Ujian Klinikal Di Bawah Pembiayaan Syarikat Penaja di Clinical Trial Ward (CTW)

LAMPIRAN C

- a) Polisi Wad Eksekutif, Hospital Canselor Tuanku Muhriz.

3.0 TARIKH KUATKUASA DAN PENGGUNAAN PEKELILING

Pekeliling ini berkuatkuasa **15 Februari 2021**

Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, pihak YBhg. Prof. Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan boleh menghubungi Bahagian Hasil, Jabatan Kewangan di talian 03-9145 5228 (En. Sazali bin Ibrahim) / 03-9145 5234 (Cik Norhaslina binti Mokhtar) / 03-9145 5232 (Pn. Norazilah binti Zaharifin).

Sekian, terima kasih.

Yang benar,


WAN OMI BINTI HJ WAN YUSSOP C.A (M)

Ketua

Jabatan Kewangan

Hospital Canselor Tuanku Muhriz

s.k - YBhg. Prof. Dato' Dr. Razman bin Jarmin
Pengarah, HCTM



MS ISO 9001:2015 Cert. No. : QMS 01547



JABATAN KEWANGAN

Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Tingkat Bawah, Lobi Utama, Blok Klinikal, Jalan Yaacob Latif, Bandar Tun Razak, 56000 Cheras, Kuala Lumpur Telefon: +603-91455230 / 7969 / 7977 E-mel: hasiljkw@ppukm.ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ppukm.ukm.my/jkw>

LAMPIRAN A

KETETAPAN POLISI & KADAR CAJ PERKHIDMATAN HCTM

a) Perkhidmatan dan Kadar Caj Prosedur BioFeedback di Pusat Perkhidmatan Endoskopi, HCTM

BIL	KOD CAJ	PROSIDUR	KADAR CAJ		
			DEWASA	WARGA EMAS	WARGA ASING
1	17331	BIOFEEDBACK TEST	190.00	95.00	380.00
KETETAPAN POLISI CAJ					
Caj dikenakan kepada pesakit status berbayar					

b) Perkhidmatan dan Kadar Caj Ujian Stroboskop di Klinik Otorinolaringologi, HCTM

BIL	KOD CAJ	PROSIDUR	KADAR CAJ		
			DEWASA	WARGA EMAS	WARGA ASING
1	17332	STROBOSKOP	130.00	65.00	260.00
KETETAPAN POLISI CAJ					
Caj dikenakan kepada pesakit status berbayar					

c) Perkhidmatan dan Kadar Caj Ujian Bau di Klinik Otorinolaringologi, HCTM

BIL	KOD CAJ	PROSIDUR	KADAR CAJ		
			DEWASA	WARGA EMAS	WARGA ASING
1	17333	SMELL TEST	120.00	60.00	240.00
KETETAPAN POLISI CAJ					
Caj dikenakan kepada pesakit status berbayar					

d) Perkhidmatan dan Kadar Caj Ujian COVID-19 Rapid Molekular (POCT) Menggunakan Analyser ID Now™

BIL	KOD CAJ	PROSIDUR	KADAR CAJ		
			DEWASA	WARGA EMAS	WARGA ASING
1	17265	RAPID MOLEKULAR COVID-19	200.00	100.00	400.00
KETETAPAN POLISI CAJ					
Caj dikenakan kepada pesakit status berbayar					

BIL	KOD CAJ	PROSIDUR	KADAR CAJ
			UKMSC/ HOSPITAL SWASTA
1	17266	RAPID MOLEKULAR COVID-19 (SWASTA)	270.00
KETETAPAN POLISI CAJ			
Caj dikenakan kepada semua pesakit			

e) Pengenaan Caj Laporan Perubatan Bagi Pelaksanaan Skim Perlindungan Kesihatan Nasional MySalam

KETETAPAN POLISI CAJ	
1)	Permohonan laporan perubatan bagi MySalam adalah mengikut kadar yang ditetapkan dan pesakit perlu membuat pembayaran terlebih dahulu untuk permohonan laporan perubatan ini dan boleh dibuat tuntutan semula (refund) setelah keputusan MySalam diluluskan.
2)	Kadar agihan penyediaan laporan perubatan ini dibayar 100% kepada pakar perubatan.

LAMPIRAN B

a) Caj Bayaran Ke Atas Pesakit Yang Menjalani Ujian Klinikal Di Bawah Pembiayaan Syarikat Penaja di Clinical Trial Ward, HCTM

BIL	NAMA PROSIDUR / RAWATAN / LAIN-LAIN	CADANGAN KETETAPAN / CAJ (RM)
1.	Trial Management Costs • Yuran/ fee • Patient Registration • Ward Admission • Ward Admission (8 Am- 1 Pm)/ Day • Ward Admission (8 Am- 5 Pm)/ Day • Ward Admission (5 Pm- 8 Pm)/ Day • Overnight/Day • Management • Telecommunication (Fax/ tel/ internet access) (per month) • Photostat/ printing/ scanning (per month) • Rental/ storage • Medical and Lab Equipment (per month per 10 patients) • Document storage (per month) • Archiving (per steel cabinet) (per month) • Drug storage per shelf (0-25 C) (per month) • Sample storage per shelf (-40 to -10 C) • Sample storage per shelf (-80 to -60C) (per month)	500.00 30.00 10.00 25.00 50.00 65.00 150.00 75.00 50.00 75.00 8,000.00 200.00 300.00 400.00
2.	Special Investigations/ Procedures	Kenaikan 20% daripada caj semasa
3.	Chemical Pathology/ ujian makmal	Kenaikan 20% daripada caj semasa 21.60
4.	Tumour Marker	Kenaikan 20% daripada caj semasa

5.	Caj Bukan warganegara mengikut caj warganegara	Kenaikan 20% daripada caj semasa 48.00
KETETAPAN POLISI CAJ		
1)	Pelaksanaan secara menyeluruh caj yang dikenakan dengan cadangan seperti berikut:- a. Yuran / fee untuk setiap study b. Pecahan caj wad mengikut masa kemasukkan dan discaj c. Kenaan caj simpanan ubat-ubatan serta sampel yang berkaitan	
2)	Kenaikan 20% daripada kadar semasa untuk caj rawatan berikut:- a. Special Investigations/ Procedures b. Chemical Pathology/ ujian makmal c. Tumour Marker	
3)	Caj bukan warganegara dikenakan caj warganegara bagi tujuan penyelidikan di Clinical Trial Ward (CTW) ini.	
4)	Semua caj adalah tertakluk kepada perbundaran nilai tertinggi dengan mengambilkira caj sen adalah termasuk kos yang berkaitan	

POLISI WAD EKSEKUTIF

HOSPITAL CANSELOR TUANKU MUHRIZ

1.0 TUJUAN

Polisi Wad Eksekutif ini telah diluluskan oleh Jawatankuasa Tetap Kewangan Bil. 1/2021 bertarikh 15 Februari 2021 bagi penggunaan Wad Eksekutif.

2.0 KELAYAKAN

Wad Eksekutif Khas (Wad DiRaja)	a. Wad Eksekutif Khas hanya disediakan sebagai Wad DiRaja dan keutamaan adalah kepada Tuanku Canselor UKM dan keluarga terdekat; dan b. Kerabat DiRaja yang lain adalah atas izin dan perkenan Tuanku Canselor.
Wad Eksekutif	a. Pesakit Umum yang memenuhi syarat; dan b. Keutamaan adalah Pegawai Pengurusan Tertinggi UKM dan HCTM melalui Pembiaya masing-masing.

3.0 SYARAT KEMASUKAN

- 3.1 Pesakit perlu membawa Surat Jaminan (Guarantee Letter - GL) dan bagi Penjawat Awam, ia tertakluk kepada Perintah Am Bab F serta Pekeliling Perkhidmatan Bil. 21/2009 (Kemudahan Rawatan Perubatan);
- 3.2 Kelayakan wad bagi Penjawat Awam tidak terpakai di Wad Eksekutif kecuali dinyatakan oleh Pembiaya untuk menanggung kos wad yang telah ditetapkan. Kos bilik dan makanan tidak termasuk di dalam Surat Jaminan (Guarantee Letter, GL);
- 3.3 Bagi mana-mana Penjawat Awam yang berhasrat menggunakan Wad Eksekutif, undertaking letter perlu dikeluarkan oleh majikan (pembiaya). Sebaliknya pesakit akan dikenakan caj mengikut kadar yang telah ditetapkan;
- 3.4 Bagi kemasukan Pegawai Pengurusan Tertinggi UKM dan HCTM, Perkara 3.1 dan 3.2 adalah terpakai kecuali Ahli Lembaga Pengarah (bukan UKM). Surat Jaminan perlu dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran;
- 3.5 Pesakit Umum akan dikenakan caj berdasarkan kadar caj yang telah ditetapkan;
- 3.6 Pesakit ditempatkan di Wad Eksekutif bukan dalam kategori pesakit yang kritikal dan memerlukan rawatan rapi;
- 3.7 Pesakit perlu mendapatkan pengesahan Pakar Perunding Perubatan atau Pakar Perubatan sebelum ditempatkan di Wad Eksekutif;

- 3.8 Sekiranya memerlukan rawatan rapi, pesakit akan dipindahkan ke wad disiplin yang berkaitan dan pesakit tidak akan dikenakan caj Wad Eksekutif dalam tempoh pesakit dipindahkan; dan
- 3.9 Sekiranya terdapat percanggahan keputusan kemasukan di antara Pakar Perunding Perubatan, Pakar Perubatan dan Pengurusan Wad Eksekutif maka keputusan muktamad akan dibuat oleh Pengarah HCTM.

4.0 BILIK DAN KADAR CAJ

- 4.1 Semua bilik di Wad Eksekutif adalah Bilik Satu (1) katil;
- 4.2 Kadar bagi setiap bilik adalah RM350.00 sehari. Kadar ini adalah termasuk sajian makanan pesakit; dan
- 4.3 Wang Deposit Kemasukan adalah seperti berikut:
- RM1,000.00 (purata tiga hari); dan
 - Pesakit atau Waris perlu menambah wang deposit selepas tiga (3) hari - jika berkenaan. Jika gagal membuat pembayaran, maka pesakit akan dipindahkan ke wad biasa. Sekiranya pesakit discaj lebih awal, baki wang tersebut akan dipulangkan kepada individu berkenaan.

5.0 TEMPAHAN

- 5.1 Tempahan boleh dilakukan lebih awal di mana pesakit perlu mendaftar pada hari yang sama dengan tarikh tempahan yang dibuat dengan caj dikenakan serta merta; dan
- 5.2 Sekiranya pesakit gagal mendaftar pada tarikh tempahan tersebut, maka wang deposit tidak akan dikembalikan.

6.0 WAKTU LAWATAN

Berdasarkan Waktu Lawatan yang ditetapkan kepada Wad HCTM.

7.0 KEMUDAHAN WAD EKSEKUTIF

Perkhidmatan makanan akan dibekalkan oleh operator makanan lantikan HCTM. Pesakit dibenarkan membuat tempahan makanan, mengikut menu yang disediakan oleh pihak operator.

8.0 WAD TRANSIT UKM SPECIALIST CENTRE (UKMSC)

Wad Eksekutif boleh dijadikan wad transit sekiranya wad di UKMSC penuh. Caj akan dikenakan kepada pihak UKMSC mengikut kadar Wad Eksekutif yang ditetapkan.

9.0 TARIKH KUATKUASA 15 FEBRUARI 2021